



Penduduk Lukut **melihat keadaan rumahnya yang dilanda banjir**, manakala kenderaan terpaksa meredah banjir yang melanda Lukut baru-baru ini.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/ BH]

► **RM500 BANTUAN**
KWABBN kepada 384 keluarga



Mangsa banjir, Koon Yoke Ying membersihkan rumahnya yang **rosak teruk akibat banjir kilat** yang melanda Kampung Batu 7, Lukut.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/ BH]

Penduduk Lukut resah

» Kediaman kerap dilanda banjir sejak lima tahun lalu

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

► Port Dickson

Sejak lebih lima tahun lalu, penduduk di tujuh kawasan perumahan di sekitar Lukut, di sini, sentiasa hidup dalam kebingungan berikutan banjir kilat melanda setiap kali musim hujan.

Ini kerana rumah mereka pasti dinaiki air sekurang-kurangnya sekali setiap tahun. Bagaimanapun, banjir Sabtu minggu lalu adalah kejadian paling buruk apabila air naik antara paras lutut hingga pinggang.

Kejadian itu menyebabkan

Keadaan lebih teruk ketika air pasang di laut menyebabkan air dari muara melimpah kembali ke sungai sepanjang kawasan ini"

G Manimaran,
Penduduk Taman Perindustrian Lukut

kebanyakan penduduk mengalami kerugian dianggarkan antara RM2,000 dan RM5,000 setiap seorang apabila peralatan elektrik rosak kerana tidak sempat dialihkannya.

Hanya mampu melihat

Penduduk Taman Jaya, Abd Jalal Wahti, 66, yang tinggal seorang diri di rumah satu tingkat tidak mampu berbuat apa-apa kerana air naik dengan pantas.

"Saya hanya mampu melihat air masuk ke dalam rumah sehingga paras lutut kerana tidak berupaya mengalihkannya peralatan dan peti sejuk.

"Penduduk kawasan saya tidak tahu punca banjir sering berlaku di kawasan ini dan memin-

ta pihak berkuasa menjalankan kajian mengenainya," katanya kepada BH Sentral.

Penduduk Taman Perindustrian Lukut, G Manimaran, 33, pula berkata kejadian banjir di kawasan itu semakin lama semakin buruk sejak lima tahun lalu.

Air pasang besar

"Dulu, air hanya naik hingga kawasan depan rumah dan surut dengan cepat. Jadi kami tidak begitu bimbang. Tapi kini, air naik ke paras lutut hingga pinggang dan mengambil masa lama untuk surut.

"Keadaan lebih teruk ketika air pasang di laut menyebabkan air dari muara melimpah kembali ke sungai sepanjang kawasan ini," katanya.

Dalam kejadian Sabtu lalu, sebanyak 350 rumah dinaiki air hingga paras pinggang di tujuh kawasan perumahan di Lukut selepas hujan lebat kira-kira enam jam.

JPS diarah dalamkan sungai

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan (gambar), berkata kerajaan negeri serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah mengenal pasti punca kejadian itu dan masih menjalankan kajian lanjut untuk mengelakkannya berulang.

"Banjir kilat itu berpunca keadaan Sungai Pak Mail di kawasan terbabit, yang semakin cetek. Justeru, kita sudah mengarahkan kerja mendalam dan melebarkan sungai itu dilakukan secepat mungkin," katanya.

Beliau ditemui ketika majlis pengagihan wang ihsan tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) kepada 384 keluarga, yang rumah mereka dilanda banjir di Lukut dan Kampung Jimah Lama serta Kampung Jimah Baru, di sini.

